

09 JAN 1999

Abdullah-Melayu

ABDULLAH BERAZAM TINGKATKAN KEDUDUKAN ORANG MELAYU PULAU PINANG

PULAU PINANG, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri semalam menyatakan keazamannya untuk mewujudkan projek-projek yang akan dapat meningkatkan kedudukan orang Melayu di Pulau Pinang.

"Pulau Pinang mempunyai beberapa masalah sama seperti negeri lain dan masalah itu perlu diatasi melalui kerjasama erat dengan kerajaan negeri bagi menghasilkan kejayaan," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya Datuk Mohd Shariff Omar, Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri serta pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, demi kepentingan rakyat, beliau akan memastikan usaha-usaha yang sedang berjalan sekarang ditingkatkan lagi keberkesannya.

"Saya tidak mempunyai sebarang masalah untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memajukan penduduk memandangkan masih ramai lagi kawan-kawan saya yang masih berada dalam jentera pentadbiran kerajaan," tambah beliau.

Sementara itu, Koh berkata, Abdullah sentiasa mempunyai hubungan rapat dengan jentera pentadbiran kerajaan negeri dan perlantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri akan membantu menjamin kestabilan dan keharmonian rakyat negeri ini.

Mohd Shariff pula menyifatkan perlantikan Abdullah itu membuktikan keyakinan penuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap keupayaan Abdullah.

Beliau percaya perlantikan itu dapat diterima semua golongan masyarakat kerana Abdullah merupakan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan berpengalaman luas.

Shariff, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, perlantikan itu penting dalam membantu memulihkan ekonomi dan menstabilkan situasi politik negara.

Beliau berkata, perlantikan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri bukan saja untuk rakyat Pulau Pinang tetapi kepada semua rakyat di Malaysia.

Sementara itu, Datuk Dr Ibrahim Saad yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan semalam berkata, perlantikan Abdullah itu akan meneguhkan lagi kepimpinan UMNO Pulau Pinang.

Perlantikan itu juga akan membantu mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan politik orang-orang Melayu di negeri ini.

Ibrahim berkata, anggota-anggota UMNO di negeri ini perlu memberi sokongan padu dalam usaha Abdullah meningkatkan kedudukan orang Melayu dan memajukan kedudukan parti itu.

Pengerusi MIC Negeri, Dr. K. Rajapathy ketika dihubungi berharap perlantikan Abdullah akan membawa kemakmuran dan pembangunan yang berterusan di negara dan negeri ini.

Beliau berkata, Pulau Pinang amat bertuah dan berbangga kerana pemimpin dari negeri ini dipilih menjawat jawatan itu.

Sifat Abdullah yang tenang, merendah diri dan mengambil berat masalah rakyat menjadikan beliau disenangi pelbagai lapisan masyarakat.

Mengenai rombakan Kabinet, beliau berkata, Perdana Menteri tahu apa yang dilakukannya dan rakyat harus memberi sokongan terhadap sebarang

tindakan kerajaan demi kebaikan bersama.

-- BERNAMA

SA ZU PR